

PM: Penyenaiaan Astro Sahkan Reputasi Cemerlang Malaysia Sebagai Destinasi Pelaburan
Bernama
21 September, 2012

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata cadangan penyenaiaan pengendali stesen televisyen berbayar terbesar negara, Astro Malaysia Holdings Bhd, di Papan Utama Bursa Malaysia mengesahkan reputasi Malaysia sebagai salah satu destinasi yang terbaik dan paling cemerlang untuk pelaburan

Beliau berkata Malaysia adalah lokasi yang selamat bagi modal, dengan perniagaan dan bursa berkembang maju walaupun di celah-celah ketidaktentuan kewangan.

"Minat pelabur yang berterusan terhadap syarikat-syarikat kita menggambarkan peluang yang banyak di negara kita ini.

"Ia tidak hadir secara tiba-tiba, tetapi ia adalah hasil komitmen, dedikasi dan kerja keras mereka yang telah membina perniagaan yang berdaya saing di peringkat global," kata Najib pada pelancaran prospektus Astro di sini Jumaat.

Turut hadir adalah Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Rais Yatim dan Pengerusi Astro Malaysia Tun Zaki Tun Azmi.

Najib berkata pembaharuan yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam Program Transformasi Ekonomi telah memperkukuhkan daya saing Malaysia dan memastikan negara berada pada landasan yang betul untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"Jika komitmen dan profesionalisme perniagaan kita telah memberikan ekonomi kita cara untuk berjaya, maka kerajaan telah menyediakan kaedah, misalnya, liberalisasi sektor perkhidmatan, melabur dalam industri utama dan menggalakkan pertumbuhan pantas dalam kewangan.

"Ketika pelabur dan perniagaan bimbang tentang ketidaktentuan, kita telah mengurangkan risiko politik dengan mentadbir secara telus dan bertanggungjawab," katanya.

Perdana Menteri berkata semua pencapaian ini telah dilakukan tanpa mengorbankan keperluan dan aspirasi rakyat, dan ini adalah pendekatan kerajaan sekarang bukan hanya untuk ekonomi, tetapi juga untuk masyarakat negara.

Malaysia, katanya, adalah sebuah ekonomi yang dinamik di mana pelabur dan usahawan boleh membuat keputusan besar yang akan menjamin kejayaan jangka panjang.

"Dalam menghadapi angin kencang dari zon Euro, kita telah mengekalkan arah tuju kita dengan ekonomi berkembang 4.7 peratus pada suku pertama dan 5.4 peratus pada suku kedua tahun ini.

"Kita juga adalah ekonomi kelima paling kompetitif di Asia, antara 5 destinasi utama pelaburan langsung asing, dan lokasi perkhidmatan ketiga terbaik di dunia. Dan, kita tidak takut untuk mencari peluang-peluang baru untuk pertumbuhan," kata Najib.

Sementara itu, Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada Astro atas usaha gigihnya setakat ini dan untuk kejayaan pelancaran prospektus syarikat itu.

"Saya mengucapkan tahniah kepada semua yang telah bekerja keras untuk pergi sejauh ini. Dalam hanya 6 tahun, Astro telah berkembang menjadi peneraju kumpulan media hiburan Asia Tenggara," katanya.

Beliau berkata pencapaian Astro mencerminkan pembangunan rakyat Malaysia sendiri sebagai pengguna, di mana media seperti TV satelit kini dipancarkan ke kebanyakan rumah di negara ini.

Najib menambah bahawa pada tahun 1996, apabila Astro dilancarkan, hanya 20,000 orang rakyat Malaysia boleh mengakses Internet tetapi hari ini jumlah itu telah berkembang kepada 16 juta dengan 62 peratus isi rumah menggunakan jalur lebar.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696321>